



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

21 Sep2021 (Tuesday)

Berita Harian

TOD di jajaran LRT3 janjikan keselesaan pengguna	1
JAS hantar pulang kontena sisa elektronik	2
Tanah runtuh bukan di Cameron Highlands	3

Utusan Malaysia

Esok suntik vaksin	4
--------------------	---

Harian Metro

Berniqab naik gerabak kereta api barang ke Thailand	5
Jais akan serahkan pada mahkamah	6

Kosmo

PDRM usaha bawa balik Sajat	7
-----------------------------	---

Sinar Harian

Apa beza Sajat, pelarian Rohingya?	8
Kenal pasti tanda awal tanah runtuh	9

The Star

'Homeowners must monitor slopes'	10
Cops working to bring Nur Sajat back from Thailand	11

New Straits Times

Homeless community in Klang receives CanSino jobs	12
---	----

China Press

Selangor MB: Be prepared for endemic, central government must plan a clear SOP	13
MPK reopen 33 night markets in stages from today	14
MDKL allocated RM17,000 to cover the runway of Jenjarom Park	15

Sin Chew Daily

Counter services at MBPJ closed	16
---------------------------------	----



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	TOD di jajaran LRT3 janjikan keselesaan pengguna
Muka Surat	:	11

TOD di jajaran LRT3 janjikan keselesaan pengguna



Oleh Dr Siti Zaharah Ishak
 bhrencana@bh.com.my

Kadar pertumbuhan penduduk dan kenderaan sering dikaitkan peningkatan kesesakan lalu lintas. Shah Alam sebagai bandar raya tidak dapat lari daripada masalah ini.

Ramai warganya berulang alik ke Kuala Lumpur hingga menjadikan jaringan jalan raya antara kedua-duanya sesak tanpa mengira masa.

Perancangan mempelbagaikan mod pengangkutan awam di Shah Alam bertepatan permintaan masa kini. Perkhidmatan sedia ada seperti bas transit dan rel belum menarik minat pengguna.

Kadar kekerapan bas antara sering diperkatakan kerana pengangkutan awam itu berada dalam satu jaringan jalan raya bercampur kenderaan persendirian lain hingga ia pastinya 'terperangkap' dalam kesesakan.

Isu menjadi kekangan pengangkutan awam rel pula, kapasiti penumpang pada waktu puncak terutama stesen hentian tertentu kerana pengguna

tidak minat berebut pada waktu puncak.

Justeru, jajaran Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang kini dalam pembinaan semestinya menjadi tarikan mod pengangkutan awam dan pilihan warga Shah Alam kerana bakal berfungsi sebagai pengurai trafik.

Dengan jajaran tersendiri tanpa bercampur mod pengangkutan lain, ia boleh mengatasi isu kelewatatan, tetapi stesen sahaja tidak cukup untuk menarik minat pengguna.

Oleh itu, perancangan pembangunan LRT3 berunsurkan pembangunan berorientasikan transit (TOD) antara usaha besar bakal menjanjikan ke-lainan.

TOD ialah trend pembangunan makro atau mikro tertumpu di sekitar kawasan transit dan diintegrasikan dengan pelbagai kemudahan pengangkutan awam bagi memaksimumkan penggunaan laluan berjalan kaki.

Kepelbagaian guna tanah dan aktiviti sokongan di sekitar stesen transit bakal mewujudkan persekitaran pembangunan sempurna kerana dilengkapi pelbagai kemudahan awam serta ruang baik dan selesa.

Ia berpegang teguh dengan lima prinsip, iaitu

bersambung atau rangkaian jalan lancar di setiap stesen transit; selesa (kegunaan ruang antara bangunan selesa dan selamat); bersepadu (ke arah mobiliti hijau bersepadu); kepelbagaian (aktiviti beragam orang, ekonomi serta pengalaman) dan mampan (infrastruktur pintar, hijau dan berdaya tahan).

Keselesaan dan kemudahan orang awam menjadi visi utama TOD. Tiga aspek utama perbandaran akan dicapai adalah menyediakan infrastruktur bersepadu, lestari kepada pengguna serta mesra alam sekitar.

Selain itu, fokus utama diberikan untuk mengintegrasikan pengangkutan dan pembangunan spatial melalui ruang aktif dan kecekapan pembangunan guna tanah. Penggunaan kawasan antara bangunan dan ruang awam akan dioptimumkan melalui reka bentuk bangunan responsif bukan sahaja pada konteks, bahkan fungsi reka bentuk berke-naan.

Ia bakal menggunakan Garis Panduan Reka Bentuk Bandar TOD disediakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), membabitkan cadangan pelaksanaan perancangan dan kawalan pembangunan khusus kawasan pembangunan lingkungan 400 hingga 800 meter dari stesen rel.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **21 September 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JAS hantar pulang kontena sisa elektronik
Muka Surat	:	19

JAS hantar pulang kontena sisa elektronik

Kuala Lumpur: Jabatan Alam Sekitar (JAS) menghantar pulang kontena mengandungi bahan buangan terjadual sisa elektrik dan elektronik (*e-waste*) yang diseludup ke negara ini.

Ketua Pengarahnya, Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, berkata kejayaan penghantaran pulang kontena itu adalah hasil kerjasama di antara pihaknya dengan Pihak Berkuasa Konvensyen Basel Hong Kong, Environmental Protection Department (EPD).

Beliau berkata, pada 21 Februari lalu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menahan sebuah kontena mengandungi bahan buangan terjadual sisa elektrik dan elektronik (*e-waste*) iaitu *printed circuit boards* yang diseludup masuk ke dalam negara.

Beliau berkata, penahanan itu adalah hasil kerjasama dan perkongsian maklumat di antara agensi penguat kuasa Malaysia dan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (HKSAR) Republik Rakyat China mengenai sebarang aktiviti pergerakan rentas sempadan secara haram.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tanah runtuh bukan di Cameron Highlands
Muka Surat	:	22



Tanah runtuh di Kilometer 43.95 Jalan Simpang Pulai-Blue Valle, menyebabkan laluan di Seksyen 43.9 ditutup, kelmarin.

(Foto Sharul Hafiz Zam/BH)

Tanah runtuh bukan di Cameron Highlands

Kuantan: Tanah runtuh di kilometer 43.95 Jalan Simpang Pulai-Blue Valley hingga menyebabkan penutupan jalan itu tidak membabitkan daerah Cameron Highlands di Pahang, sebaliknya lokasi kejadian dalam daerah Kinta, Perak dengan puncanya akibat kegagalan cerun.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, dalam kenyataan media semalam, berkata beliau kesal dengan beberapa hantaran dalam media sosial mengaitkan kejadian tanah runtuh itu di Cameron Highlands.

“Kejadian di Kilometer 43.95 Jalan Simpang Pulai-Blue Valley berada dalam daerah Kinta akibat kegagalan cerun. Susulan itu, laluan berkenaan ditutup sepenuhnya sejak kelmarin. Saya juga kesal dengan paparan video di media sosial mengaitkan banjir lumpur yang kononnya turut berlaku

di Cameron Highlands, sedangkan ia di tempat lain,” katanya.

Beliau berharap, dengan penjelasan ini rakyat tidak terkeliru dengan apa yang sebenarnya berlaku khususnya yang membabitkan kawasan popular seperti tanah tinggi Cameron Highlands.

Laluan di Seksyen 43.9 ditutup sepenuhnya kepada semua aliran trafik jalan raya bermula 9 malam kelmarin, berikutan kejadian jalan runtuh di Kilometer 43.95 laluan berkenaan semalam, akibat hujan lebat berterusan.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kinta menerusi kenyataannya kelmarin, menyatakan kejadian membabitkan laluan sepanjang 30 meter dengan lebar lima meter yang dikesan jam 5.45 petang semalam, namun pengguna masih boleh menggunakan jalan alternatif iaitu Laluan FT059, Jalan Tapah-Ringlet.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Esok suntik vaksin
Muka Surat	:	32

Esok suntik vaksin

SHAH ALAM: Seramai 485 guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), pegawai masjid dan jurunikah diarah untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 pada esok.

Program vaksinasi khas itu dijadualkan berlangsung di Dewan Syarahan dan Muzakarah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, pihaknya sudah mengeluarkan arahan itu kepada semua individu berkenaan.

"JAIS tidak bertindak kejam kerana masih memberi ruang dan masa kepada individu tersebut sebelum ini.

"Namun, jika alasan mereka tidak dapat diterima untuk mengambil vaksin, maka tindakan sewajarnya akan diambil," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan semua guru KAFA, pegawai masjid dan jurunikah berkenaan supaya hadir mendapatkan suntikan vaksin.

Pada 2 September lalu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita terhadap segelintir rakyat negeri itu yang menolak vaksin Covid-19 dan menyifatkannya sebagai usaha menggagalkan capaian imuniti kelompok.

Seramai 562 orang di Selangor dikenal pasti masih belum dan sebahagian kecil enggan menerima suntikan vaksin walaupun kempen pemberian vaksin galak dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Daripada jumlah itu, dalam sektor pendidikan seramai 268 adalah guru sekolah kebangsaan, sekolah menengah (182) dan guru KAFA (95).

Bagi kategori guru KAFA, seramai 326 orang dikenal pasti belum menerima suntikan vaksin.

Manakala dalam sektor pengurusan agama Islam, seramai 17 orang dilaporkan enggan menerima vaksin iaitu pegawai masjid (11) dan jurunikah (enam).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Berniqab naik gerabak kereta api barang ke Thailand
Muka Surat	:	2

Kuala Lumpur: Menjelai pendedahan dan stigma mengenai COVID-19, Menteri Kanan Pertahanan, Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan akan mengambil langkah-langkah keselamatan yang ketat untuk memastikan keselamatan rakyat Malaysia.

Berniqab naik gerabak kereta api barang ke Thailand

Staf dan Harian Metro melaporkan bahawa laluan di kawasan Nur Sajat dengan di-pandu arah telah terbuka yang dipertingkatkan membolehkan laluan ini digunakan untuk memulakan perniagaan dengan Thailand.



RMzok adalah sebuah platform media sosial yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan pengguna lain dan berinteraksi dengan pengguna lain.

Sajat dibawa memulakan sebuah laluan dari Lembah Klang menuju ke Lebuhaya Utara-Selatan sebelum tiba di Padang Besar, Perlis.

"Sehala rita di Padang Besar, Nur Sajat dimajukan ke gerabak kereta api barang sebelum laluan ke Thailand ber-sama laluan terbuka."

"Laluan sama kemudiannya membolehkan Nur Sajat ke Hat Yai, Selangor itu, dia diberitahu bahawa seorang lelaki yang memulakan perniagaan dengan Thailand."

"Dalam perkembangan seterusnya, sumber itu memaklumkan bahawa Menteri Nur Sajat beritahu laluan walaupun gerabak kereta api barang yang memulakan perniagaan dengan Thailand."

"Saya telah melihat dan berinteraksi dengan laluan dari Padang Besar ke Thailand walaupun ketika itu kita sedang menghadapi COVID-19."

"Tetapi yang pasti, taklaknya adalah memulakan perniagaan dengan Thailand dan memulakan perniagaan dengan Thailand."



RMzok memulakan perniagaan dengan Thailand dari Padang Besar sebelum laluan ke Thailand beritahu laluan yang memulakan perniagaan dengan Thailand. Gambar: NYP/BERHANS/SHI KEE



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

21 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jais akan serahkan pada mahkamah
Muka Surat	:	3

Jais akan serahkan pada mahkamah

Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) akan menyerahkan usahawan kosmetik Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 36, atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat kepada mahkamah sebaik diserahkan oleh polis.

Pengarahnya Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, Nur Sajat akan dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk dibicarakan susulan ia tertangguh selepas dia melarikan diri.

“Jais menunggu untuk menyerahkan Nur Sajat kepada mahkamah dan selepas itu terserah kepada hakim untuk membuat keputusan mengenai kesnya.

“Pihak kita hanya akan dirujuk kerana lebih tahu mengenai prosedur Mahkamah Syariah,” katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Pada 23 Februari lalu, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengeluarkan waran tangkap terhadap Nur Sajat kerana gagal menghadirkan diri pada sebutan semula kesnya tanpa sebarang sebab.

Perbicaraan itu memabitkan kes Nur Sajat dituduh berkelakuan dan berpakaian menyerupai wanita pada 2018 di Shah Alam, Selangor.



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	PDRM usaha bawa balik Sajat
Muka Surat	:	8

PDRM usaha bawa balik Sajat

PETALING JAYA – Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan usahawan terkenal, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau dikenali sebagai Sajat ditahan pihak Imigresen Thailand pada pukul 6 petang, 8 September lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abd. Jalil Hassan berkata, Sajat ditangkap atas kesalahan memiliki passport yang tidak sah.

“Pada 9 September lalu, Sajat telah didakwa di mahkamah di negara tersebut atas kesalahan imigresen dan dikenakan hukuman denda.

“Sajat turut dikehendaki pihak berkuasa negara ini atas kesalahan menghalang penjawat awam di bawah Seksyen 185 Kanun Keseksaan dan menggunakan kekerasan jenayah bagi menamatkan penjawat awam di bawah Seksyen 353 Kanun Keseksaan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Abd. Jalil, usaha untuk membawa pulang Sajat ke negara ini sedang giat dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa Thailand.

Sajat dikatakan ditahan di sebuah kondominium mewah di Bangkok bersama seorang lelaki

berperwatakan seperti wanita warga Thailand ketika serbuan dijalankan pihak imigresen Thailand pada 8 September lalu.

Pada 23 Februari lalu, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengeluarkan waran tangkap terhadap Sajat kerana gagal hadir pada prosiding kes berpakaian wanita.

Sementara itu, di Shah Alam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) meminta kerjasama Jabatan Imigresen untuk menyerahkan Sajat kepada pihak berkuasa negara ini.

Pengarahnya, Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, waran tangkap telah dikeluarkan kepada Sajat untuk tindakan lanjut.

“Imigresen perlu menyerahkan Sajat kepada polis kerana waran tangkap sudah dikeluarkan kepada usahawan itu.

“Pihak polis diharapkan dapat menyerahkan Sajat kepada mahkamah atau kepada penguat kuasa JAIS untuk tindakan selanjutnya,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



SAJAT ditahan di sebuah kondominium mewah di Bangkok, Thailand pada 8 September lalu.



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Apa beza Sajat, pelarian Rohingya?
Muka Surat	:	8

Apa beza Sajat, pelarian Rohingya?

Usahawan kosmetik dalam buruan pihak berkuasa Malaysia dipercayai pegang kad UNHCR

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY

SHAH ALAM

P enahanan Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat di Bangkok, Thailand membawa kepada penemuan usahawan kosmetik dalam buruan itu kini memegang Kad Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR).

Malah, Nur Sajat, 36, turut mendapat bantuan guaman dari suruhanjaya itu di Bangkok.

Isu mengenai kad UNHCR dalam negara sebelum ini hilang diperdebatkan melalui keberadaan etnik Rohingya yang menjadi pelarian perang sejak sekian lama.

Sehingga Mac tahun lalu, terdapat seramai 179,521 pemegang kad UNHCR yang tinggal secara sementara di Malaysia dan daripada jumlah itu, sejumlah 56.6 peratus atau 101,584 orang adalah daripada etnik Rohingya.

Jumlah itu bukan jumlah sebenar etnik Rohingya yang berada di setiap pelosok negara.

Berdasarkan kenyataan UNHCR di laman sesawang, se-



Sejumlah 101,584 etnik Rohingya di Malaysia memegang kad UNHCR.



NUR SAJAT

tiap negara mempunyai hak berdaulat untuk mengendalikan isu pendatang asing tanpa izin (PATI) di wilayahnya, termasuk mengusir mereka yang menyalahi undang-undang imigresen.

"Tetapi di bawah undang-undang adat antarabangsa, setiap negara mempunyai tanggungjawab untuk tidak memaksa pulang orang pelarian ke situasi di mana nyawa atau kebebasannya terancam - tanpa mengira sama ada negara itu adalah pihak kepada Konvensyen 1951 Berkaitan Orang Pelarian atau tidak," menurut suruhanjaya itu.

Guna alasan diugut

Berdasarkan sumber yang didedahkan oleh akhbar tempatan, alasan sebenar Nur Sajat un-

tuk memohon kad pelarian dan berpindah ke Australia kerana mendakwa dia mendapat ugutan bunuh selepas mengumumkan keluar daripada Islam, selain diburu lebih 100 penguat kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Alasan berkenaan adalah sama seperti keberadaan etnik Rohingya yang memegang kad UNHCR di Malaysia.

Dokumentasi UNHCR adalah untuk satu tujuan sahaja, yakni mengiktiraf status orang pelarian dan pemohon suaka yang perlukan perlindungan antarabangsa.

Dokumen UNHCR membantu melindungi orang pelarian dan pemohon suaka dari diusir ke negara asal di mana kebebasan atau nyawa mereka mungkin terancam.

"Ini dikenali sebagai prinsip *non-refoulement* dalam undang-undang adat antarabangsa. Setiap

negara terikat kepada undang-undang adat antarabangsa tanpa mengira sama ada ia menandatangani Konvensyen 1951 Berkaitan Status Orang Pelarian atau tidak.

"Kad UNHCR bukan lesen memandu, dokumen undang-undang, dokumen perjalanan, atau permit penempatan. Ia tidak memberi pemegangnya kekebalan daripada tindakan undang-undang," katanya.

Bagaimanapun menurut UNHCR, pemegang kad itu tidak terkecuali daripada undang-undang dan orang pelarian harus mematuhi undang-undang negara tuan rumah.

"Namun mereka tidak akan

kehilangan kad pelarian secara automatik jika mereka melakukan jenayah.

"Terdapat sebab-sebab tertentu yang menyebabkan seseorang itu terkecuali dari perlindungan antarabangsa, seperti jika dia melakukan jenayah yang melanggar keamanan, jenayah peperangan, jenayah terhadap kemanusiaan, atau lain-lain sebab yang serius.

"Tetapi jika mereka melakukan jenayah tidak serius, dan telah didapati bersalah melalui prosiding undang-undang, maka orang pelarian itu dijangka menjalani proses perundangan, seperti mana-mana orang lain yang tinggal di negara itu," katanya.



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kenal pasti tanda awal tanah runtuh
Muka Surat	:	13

Kenal pasti tanda awal tanah runtuh

Guna teknologi dibangunkan MYSA cegah kejadian berulang

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

AMPANG

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang dalam proses untuk mengenal pasti petanda awal kejadian tanah runtuh yang berlaku di Kemensah Heights di sini pada Jumaat.

Timbalan Menteri, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, langkah tersebut bertujuan bagi membantu pihak berkuasa memantau dan mencegah kejadian sedemikian daripada berulang pada masa akan datang.

TANAH RUNTUH KEMENSAH HEIGHTS

Beliau berkata, usaha itu dilakukan menggunakan teknologi dibangunkan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) yang berupaya melaksanakan pemetaan risiko tanah runtuh bagi melalui analisis dan teknologi *remote sensing* angkasa.

"Untuk kejadian di Kemensah Heights, imej satelit sedang diproses dengan membandingkan imej sebelum dan selepas kejadian. Ia boleh mengenal pasti jika ada petunjuk awal sebelum kejadian dan apa yang boleh disyorkan daripada imej terbaharu.

"Sekiranya ada tanda-tanda yang mana boleh dijadikan panduan supaya pada masa akan datang isu dan saranan dapat diberi lebih awal sebelum kejadian berlaku," katanya menerusi satu video pendek yang dikongsikan di Facebooknya pada Isnin.

Pada Jumaat, sebanyak tiga



Ahmad Amzad (kanan) mengadakan lawatan di kawasan tanah runtuh di Kemensah Heights pada Isnin.

rumah banglo dan 12 rumah jenis bandar membabitkan 27 keluarga terjejas berikutan kejadian tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights.

Sementara itu, Ahmad Amzad ketika lawatannya di tem-

pat kejadian pada pagi Isnin turut memaklumkan, MOSTI akan terus memberikan perkhidmatan sokongan teknikal dan teknologi kepada pihak berkuasa dalam pengawasan risiko pembangunan cerun bukit.

Jelas beliau, sistem pemantauan cerun secara dalam talian dikenali *System E-Slope* telah dibangunkan dan dioperasikan bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi tujuan pemantauan serta pencegahan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	'Homeowners must monitor slopes'
Muka Surat	:	4

Selangor

Property owners urged to check surroundings periodically for signs of slope failure >4



'Homeowners must monitor slopes'

NGO says remedial works should be carried out to prevent future damage

By SHALINI RAVINDRAN
 shaliniravindran@thestar.com.my

PROPERTY owners must make it a point to inspect their surroundings frequently to identify early signs of slope failure.

SlopeWatch programme director Eriko Motoyama said this should include minor cracks in retaining walls, crooked or fallen trees and ground surface movement.

She said it was vital that owners know what to look out for so remedial works could be carried out immediately to prevent major damage later.

"Even if there had been no significant incidents in the neighbourhood, owners should still check as changes in the surrounding environment such as development projects can affect a slope," she added.

Motoyama noted that while residents were more aware of the risks of new hillslope projects, similar consideration should be given to older neighbourhoods and properties.

"In Kemensah Heights, Ampang for example, there had not been any landslide in the past until Friday's incident," she said, adding that other signs to look out for included separation or gaps at the boundary walls and bulging walls or slopes.

About 27 families were evacuat-



Tarpaulin sheets placed over the exposed area in Kemensah Heights, Ampang as a temporary measure following the landslide. — CHAN TAK KONG/The Star

ed following the Sept 17 landslide.

The State Disaster Management Authority has also declared the affected area a disaster site.

Meanwhile, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) Engineering Department director Zafrul Fazry Mohd Fauzi said it was still waiting for the report by Minerals and Geoscience Department.

"The houses and structures in

the affected area were built in 1982," he explained.

"At the moment, we are monitoring the three affected lots."

He pointed out that MPAJ monitored 356 risky slopes every year for early signs of slope failure.

Of these, 118 belong to MPAJ, 37 to the government while 201 are owned by private individuals, developers or joint management bodies and management

corporations.

However, Zafrul added that slopes in Kemensah Heights were not under its inventory as it was not considered a critical risk area for slope failure.

Kemensah Resident Committee chairperson Mohd Fazil Abdullah said hillslope areas such as the one in Kemensah Heights should be monitored from now on.

"We hope the authorities will

conduct soil studies or utilise other monitoring systems to detect any early signs of slope failure," he said.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Ahmad Anzad Hashim said yesterday that satellite images taken before and after the landslide would be compared to help determine the cause of the landslide in Kemensah Heights.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 21 September 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Cops working to bring Nur Sajat back from Thailand
Muka Surat	:	9

Cops working to bring Nur Sajat back from Thailand

KUALA LUMPUR: Bukit Aman has confirmed that cosmetics entrepreneur Nur Sajat was detained in Thailand.

Bukit Aman CID director Comm Datuk Seri Abd Jalil Hassan said Nur Sajat was detained by Thai Immigration for having an invalid passport around 6pm on Sept 8.

"The suspect was later charged in a Thai court with an immigration offence and subsequently fined," he said in a statement yesterday.

Comm Abd Jalil said the suspect was also wanted for multiple offences in Malaysia, including criminal intimidation and preventing civil servants from performing their duties.

"We are currently working towards bringing the suspect back to Malaysia," he added.

Nur Sajat, whose birthname is Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, is wanted by the Selangor Islamic Religious Department for failing to show up in court to answer charges for dressing up as a woman.

The court had issued a warrant of arrest on Feb 23 after the entrepreneur failed to show up for case mention. Since then, she is believed to have fled the country and gone into hiding.

In April, the then inspector-general of police Tan Sri Abdul Hamid Bador urged Nur Sajat to come out of hiding.

He said her apparent decision to flee the country was odd as she was not facing a serious charge.

Abdul Hamid had said police previously succeeded in locating Nur Sajat but could not apprehend her due to challenges such as the existence of hidden passages across the country's borders.

In June, police also sought Nur Sajat in connection with a fraud investigation involving MyKad details.

She was required to attend proceedings at the Ampang Jaya court on July 14.

"The case is being investigated by the Ampang Jaya Commercial Crime Investigation Department under Section 420 of the Penal Code.

"Nur Sajat is being sought as a witness in the case," police said in a statement then.

Watch the video
[TheStarTV.com](https://www.thestar.com)





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	New Straits Times
Tajuk Berita	:	Homeless community in Klang receives CanSino jobs
Muka Surat	:	9

138 PEOPLE

Homeless community in Klang receives CanSino jobs

KLANG: A total of 138 homeless people in the Port Klang has received their dose of the CanSino Covid-19 vaccine under the Transient Covid-19 Vaccination Programme.

The programme was organised by the Klang Municipal Council (MPK), Klang district health office as well as non-governmental organisation Pertubuhan Komuniti Sahabat Harmoni (Kaseh) here on Sunday.

MPK president Dr Ahmad Fadzi Ahmad Tajuddin said they were honoured to be the first local council to organise such a programme.

"This programme was our own initiative and done to ensure that no one is left out of the vacci-

nation drive in order to achieve herd immunity.

"The staff and volunteers had faced numerous challenges before and during the programme. I would like to record my sincerest appreciation to all quarters, including Kaseh and seven other NGOs, as well as the Klang health office, which displayed their utmost commitment to the programme.

"The involvement of various MPK departments in making the programme a success demonstrates our fullest commitment towards ensuring that Klang is free of Covid-19 soon," he said in a statement.

Present at the event were Port Klang state assemblyman

Azmizam Zaman Huri and MPK deputy president Elya Marini Darmin.

Ahmad Fadzi said the programme required the full collaboration of various agencies and departments.

"There were various challenges, one of which was the health of some of the homeless people. Some had mental health issues while others had problems pertaining to their identification documents.

"This was eventually resolved when we managed to inoculate 138 homeless people, exceeding our initial target of 70 people," he said.

He said the homeless people were vaccinated at the Port Klang bus station.



Klang Municipal Council deputy president Elya Marini Darmin speaking to a homeless man at the Transient Covid-19 Vaccination Programme in Klang on Sunday. PIC COURTESY OF KLANG MUNICIPAL COUNCIL



KERATAN AKHBAR		
21 September 2021		
Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	Selangor MB: Be prepared for endemic, central government must plan a clear SOP
Muka Surat	:	2

大臣：為地方流行病做好準備 中央須擬好清晰SOP

(莎阿南20日讯)雪州大臣拿督斯里阿米鲁丁促请中央政府尽快公布新冠肺炎地方流行病的标准作业程序，以让民众为迎接地方流行病做好准备，避免新冠肺炎有朝一日将会恶化，重新成为疫情。

他说，我国新冠肺炎疫情预计从10月尾起迈入地方流行病阶段，但当政府宣布雪州从9月10日起迈入国家复苏计划第二阶段，许多民众便纷纷在州内旅游，显示公众并未做好迎接地方流行病的准备，尤其是在心态方面。

他说，府有必尽快公布冠病地方流行病的清晰标准作业程序，避免引起民众和商家的混淆。

“尽管是进入地方流行病阶段，民众仍需高度自律和遵守标准作业程序，以免疫情反弹。”

阿米鲁丁日前巡视在莎阿南第7区的雪州发展机构组屋，举办的雪州冠病疫苗接种计划时，这么指出。

他说，如果民众没有为迎接地方流行病做好准备，恐怕新冠肺炎有朝一日将会恶化，重

新成为疫情。

“我国需要各造的配合和努力，以确保冠病如期迈入地方流行病阶段。”

阿米鲁丁以砂拉越为例，砂州曾一度达致群体免疫的目标，但目前的单日确诊病例曾一度激增至4000宗。

“已达致100%接种率的新加坡，如今的单日确诊病例也高达500宗。”

因此，他提醒国人必须在日常生活中贯彻新常态，包括戴口罩、维持社交距离，以免冠病确诊病例重新回升。

卫生部长凯里于9月1日披露，一旦80%成人完成新冠疫苗接种，大马的新冠肺炎疫情预计从10月尾起转变为地方流行病。



■阿米鲁丁（左）
 巡视雪州冠病疫苗
 流动接种服务。

（取自当今雪州）



KERATAN AKHBAR 21 September 2021		
Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	MPK reopen 33 night markets in stages from today
Muka Surat	:	4

巴生市會即日起 分階段重開33夜市

(莎阿南20日讯) 随著新冠肺炎疫情趋缓, 巴生市议会将从即日起, 分阶段重开区内共33个夜市!

巴生市议会公关小组主任诺菲查指出, 市议会辖内共33个夜市, 将逐步重开, 其中, 苏丹苏莱曼镇夜市与甘迪斯柏迈花园夜市, 于今日下午5时至晚上10时重新营业。

“共有22个夜市将明日起至9月24日期间, 在加埔和中路区重开, 至于其余9个夜市则会在25日和26日起重开。”

她说, 随著夜市重开, 民众和小贩受促时刻遵守标准作业程序, 以便遏制病毒传播链。

此外, 莎阿南市政厅企业公关小组主任沙林也提及, 市政厅管辖的5072个早夜市小贩, 都已从8月份起, 陆续已获准恢复营业, 包括3721名夜市小贩, 以及1351名早市小贩。

“市政厅执法和执照小组官员将加紧监督早夜市的情况, 目前并没有市集因违反SOP而被令关闭。”

他也提醒民众前往早夜市时, 严格遵守防疫SOP, 身体力行降低病毒传染率。



KERATAN AKHBAR 20 September 2021		
Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	MDKL allocated RM17,000 to cover the runway of Jenjarom Park
Muka Surat	:	4

**瓜冷市會撥1萬7
 修補仁嘉隆公園跑道**



■ 瓜冷市議會撥款1萬7000令吉，修補仁嘉隆新村峇江一路
 公園損壞的跑道。

(仁嘉隆19日讯)瓜拉冷岳市议会拨款1万7000令吉，修補仁嘉隆新村峇江1路公园已损坏的跑道，让晨运跑步的居民，安心进行运动。

万津区州议员刘永山巡视上述工程时指出，瓜冷市议员杨克勤接获居民投诉后，向瓜冷市议会园艺组反映，当局使用内部拨款修补，仁嘉隆新村Taman Seri Jarom的Jalan Bacang 1的跑道。

“涉及的跑道面积为230平方米，市议会除了重新修补破损的砖块外，也把凹凸不平的跑道重新铺平，目前工程已完成。”

前往现场巡视的包括仁嘉隆新村村长洪平基、市议员杨克勤。一行人感谢瓜冷市议会，接获投诉后采取迅速行动解决问题，希望村民能够与市议会配合，协助维护公园的清洁与美观。



■ 山及洪平基。一路的公园跑道，右起为陈文德、杨克勤、刘永山巡视工程已完成重新修补的仁嘉隆峇江



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
21 September 2021

Akhbar	:	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	:	Counter services at MBPJ closed
Muka Surat	:	3

靈市政廳關閉服務櫃檯

(八打灵再也20日讯)八打灵再也市政厅从即日起至明年7月25日,全面关闭市政厅总部所有主要柜台的缴费服务,以进行提升工程及柜台装修工程。

灵市政厅发文告指出,市民可通过其他地点的缴费及服务柜台办理事务,包括灵市政厅大厦(Menara MBPJ)及市政厅灵北分局办事

处(只供预约),服务时间为星期一至五早上8时至中午12时;灵市政厅总部的自助服务机(mesin kios)的开放时间是星期一至日早上8时至中午12时。

市政厅鼓励市民使用线上服务,这也是其中一个方便处理市政厅事务的方式,迎合新常态及无需外出,并且省时省费。

市民可浏览市政厅官网(www.mbpj.gov.my)或社交媒体了解更多详情。